

SULIT

KYPJ/PEPERIKSAAN KHAS NOVEMBER 2016/MPW1113



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN KHAS

KURSUS	:	BAHASA KEBANGSAAN
KOD KURSUS	:	MPW1113
PEPERIKSAAN	:	NOVEMBER 2018
MASA	:	3 JAM

ARAHAH KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA(2)** bahagian: **BAHAGIAN A (50 Markah)**
BAHAGIAN B (50 Markah)
 2. Jawab **SATU(1)** soalan dari **BAHAGIAN A** dan jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.
 3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A: KARANGAN**ARAHAH:**

Bahagian A mengandungi **DUA** soalan . Jawab **SATU** soalan sahaja. *Panjang karangan anda adalah **TIDAK KURANG** daripada 300 patah perkataan.*

1. Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Tuliskan sebuah rencana tentang peranan bahasa Melayu dalam menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia.

2. Anda merupakan pengurus Persatuan Bahasa Melayu kolej anda. Anda dikehendaki menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Program 'Cintailah Bahasa Kita' yang dianjurkan oleh kolej anda. Ucapan anda hendaklah mengandungi salutasi, pendahuluan, sebab-sebab Program 'Cintailah Bahasa Kita' diadakan, aktiviti yang dijalankan dan penutup. Program turut dihadiri oleh Encik Jamaludin Hamzah, Timbalan Ketua Eksekutif Akademik, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Encik Shaiful Huzaini bin Damanhuri, Ketua Eksekutif, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Encik Shahrim Adon, Pendaftar, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Pengarah-pengarah, Pengurus-pengurus, para penyarah dan pelajar-pelajar.

Tuliskan ucapan anda selengkapnya.

(Jumlah : 50 markah)

BAHAGIAN B: ISU-ISU TATABAHASA**ARAHAN:**

Bahagian B mengandungi **LIMA(5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1.

Bina ayat majmuk berdasarkan kata hubung yang berikut.

- i. yang
- ii. bahawa
- iii. sekiranya
- iv. dan
- v. dengan
- vi. manakala
- vii. kerana
- viii. supaya
- ix. tetapi
- x. sambil

(Jumlah : 10 markah)

SOALAN 2:

Ayat-ayat di bawah mengandungi satu kesalahan tatabahasa. Anda dikehendaki mengenal pasti kesalahan tersebut. Nyatakan kesalahan tatabahasa yang telah dikenal pasti dan tuliskan jawapan yang betul.

- i. Mereka tidak memerlukan tanda-tandatangan kami.
- ii. Dia telah menyiapkan segala bahan-bahan yang diperlukan untuk memasak juadah itu.
- iii. Dia menerima perlantikan sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar di Kolej Yayasan Pelajaran Johor.
- iv. Baju-baju yang dijual di kedai itu cantik-cantik.
- v. Dia menyatakan bahawa dia tidak ke mana pada waktu malam kerana dia ingin berehat di rumah bersama-sama keluarganya.
- vi. Para pelancong mengagumi keindahan pantai di negara kita.
- vii. Salmah telah menempoh pelbagai cabaran dalam hidupnya.
- viii. Ketika ibunya sakit, ibunya mendapatkan rawatan di Sentosa Klinik.
- ix. Rumah Pak Nik terletak antara sekolah dengan padang.
- x. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas sokongan anda.

(Jumlah : 10 Markah)

SOALAN 3:

Pisahkan ayat-ayat berikut sehingga menjadi **SEPULUH (10) AYAT** tunggal.

Watak-watak cerita seperti Pak Pandir, si Luncai dan Pak Kadok sebenarnya terkenal dalam cerita jenaka Melayu tradisional. Sesuai dengan kejenakaannya, fungsinya lebih menjurus untuk menghiburkan hati para pendengar atau pembacanya. Selain menghiburkan pendengar atau pembacanya, cerita-cerita jenaka mempunyai unsur pengajaran sebagai panduan ataupun pedoman dalam menjalani kehidupan setiap hari. Cerita jenaka bukan hanya bertujuan hiburan semata-mata tetapi cerita-cerita seperti ini boleh diguna pakai sebagai kritikan sosial untuk memberikan teladan dan pengajaran kepada pendengarnya.

(Jumlah : 10 Markah)

SOALAN 4:

Proses pengimbuhan adalah proses yang menambahkan atau menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Dalam petikan di bawah terdapat kata dasar yang belum menerima apa-apa imbuhan bagi melengkapkan ayat yang diberi. Anda dikehendaki menambah imbuhan pada kata dasar di bawah. Anda dikehendaki menyalin semula petikan dan gariskan jawapan anda.

Sekali lagi umat Islam diberi sempat memperoleh kesihatan yang baik untuk rai kemuliaan bulan suci Ramadan, iaitu penghulu segala bulan. Kedatangan Ramadan sememangnya rindu dan dinantikan oleh umat Islam yang memahami hikmah tersirat disebalik lapar dan dahaga.

Kehadiran tetamu agung ini membawa juta-juta kebaikan dan keberkatan. Dari sudut yang lain, kehadirannya mampu melahirkan umat Islam yang sabar urus hawa nafsu. Maksudnya ibadat puasa mendidik hamba-Nya untuk terus bersabar di samping mengerjakan ibadat.

Setiap umat Islam dituntut merebut segala keberkatan Ramadan dengan ibadat wajib dan sunat, serta amal kebajika untuk menambahkan pahala dan ketakwaan kepada Allah SWT. Hakikat puasa bukan sekadar menahan diri daripada berlapar, malah meliputi kehidupan manusia, baik dari segi psikologi, akhlak, didik, kesihatan muhuoun ekonomi.

Oleh itu persediaan diri perlu laku dengan sebaik-baiknya sesuai dengan kemuliaan dan kehebatannya, segala kekurangan terdahulu diperbaik dan umatnya berazam tingkat ketakwaan kerana tidak mustahil Ramadan pada kali ini menjadi Ramadan yang akhir.

(Jumlah : 10 Markah)

SOALAN 5:

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang diberi.

Kecanggihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dewasa ini sepatutnya memudahkan kehidupan seharian manusia termasuklah urusan pembayaran bil elektrik, air, sewa tanah hingga kepada komunikasi antara manusia.

Namun demikian ada pihak yang menggunakan media sosial untuk mengutuk pemimpin negara mahupun agensi kerajaan yang dikatakan gagal menjalankan tanggungjawab dengan baik.

Sememangnya kritikan adalah baik untuk kemajuan sesebuah agensi dan negara. Tanpa kritikan atau teguran sudah tentulah mereka tidak dapat memperbaiki kelemahan yang ada dan menambah baik segala perkhidmatan yang diberikan.

Namun demikian, kebanyakannya pengguna media sosial kini lebih cenderung untuk membuat tanggapan yang berat sebelah terhadap sesuatu isu tanpa menilai terlebih dahulu masalah yang berlaku. Sensitiviti kaum harus diberi keutamaan apabila kita mengeluarkan sebarang pendapat dan kritikan di laman sosial. Sebaik-baiknya kita sebagai rakyat Malaysia tidak mensensasikan sesuatu isu yang menyentuh soal perkauman dan agama. Kita harus menghormati setiap anggota masyarakat kerana Malaysia didiami oleh masyarakat majmuk yang mengamalkan pelbagai budaya dan adat resam yang berbeza.

Di Malaysia, trend penyalahgunaan media sosial dalam kalangan rakyat dilihat semakin berluasa. Jika dahulu, perbuatan salah guna media sosial hanya terbatas kepada penyebaran bahan berunsur lucah, kini meliputi tindakan menghina institusi raja, agama dan penyebaran budaya sosongsang serta ajaran sesat.

(Disesuaikan daripada rencana, "*Kliklah dengan Bijak*",

Dewan Masyarakat, Bil. 2, 2013)

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa "masyarakat majmuk"?
(2 Markah)
 - ii. Jelaskan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh laman sosial dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat majmuk di Malaysia.
(3 Markah)
 - iii. Pada pendapat anda, bagaimanakah media sosial boleh membantu pihak kerajaan dan pihak berkuasa menambahbaikkan lagi perkhidmatan mereka kepada orang ramai?
(4 Markah)
- (Jumlah : 10 markah)**

